

PRU-13: Tujuh Pemimpin Kanan Peringkat Cawangan DAP Nyatakan Sokongan Terhadap BN
Bernama
11 April, 2013

TAMPIN, 11 April (Bernama) -- Tujuh pemimpin kanan peringkat cawangan DAP di negeri ini menyatakan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) selepas merasakan manifesto BN bagi menghadapi pilihan raya umum ke-13 (PRU13), menawarkan lebih manfaat kepada masyarakat India berbanding manifesto pembangkang.

Naib Pengerusi DAP cawangan Ladang Paroi David Dass berkata aku janji BN yang diumumkan Pengerusinya Datuk Seri Najib Tun Razak, Sabtu lalu jelas memperlihatkan kesungguhan dan komitmen BN untuk memperjuangkan nasib masyarakat India berbanding manifesto pembangkang yang tidak meyakinkan.

"Kita dapat lihat manifesto pakatan pada PRU 2008 di Selangor, tapi (selepas gagal menunaikannya) mereka kata manifesto itu bukan janji dan ini berbeza dengan aku janji yang dibuat BN kali ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah di Ladang Rajent, Gemencheh, di sini malam tadi.

Turut menyatakan sokongan adalah Pengerusi DAP Cawangan Desa Dahlia Richard Francis, Naib Pengerusi DAP cawangan Desa Dahlia Jesu Dason, Setiausaha DAP cawangan Desa Dahlia S. Karthiyaini, Setiausaha DAP cawangan Ladang Paroi Rajent Chelvam Katham, Naib Pengerusi DAP cawangan Ladang Paroi Rajent M. Subramaniam dan Setiausaha DAP cawangan Ladang Paroi K. Mahendran.

Sabtu lalu, Najib mengumumkan aku janji BN yang mana jika menang pada PRU13 kerajaan akan menyediakan dana saham amanah RM500 juta untuk meningkatkan pegangan ekuiti komuniti India di samping menubuhkan Unit Khas bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar untuk mempertingkatkan kehidupan kaum India.

Dass yang masih berada dalam DAP berkata selaras dengan slogan 'Janji Ditepati' yang mengiringi perjuangan BN, beliau yakin aku janji itu terutama berkaitan pembangunan masyarakat India, akan menjadi satu lagi janji yang ditepati.

Dalam pada itu, Dass terus mengkritik keras kepimpinan tertinggi DAP terutama penasihat parti Lim Kit Siang, Setiausaha Agung Lim Guan Eng dan Pengerusi Karpal Singh yang dakwanya hanya mementingkan sesetengah pihak dan menidakkan hak anggota kaum India dalam parti itu.

Katanya ia terbukti dengan keputusan pemilihan Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP Pulau Pinang Januari lalu yang mana wujud persoalan tentang demokrasi dalam parti itu apabila kononnya berlaku kesilapan pengiraan undi.

"Kami menggesa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) menyatakan kepada kami status aduan mengenai perkara itu yang telah dibuat dan kami mahu tahu secepat mungkin," katanya.

Dass yang akan mengumumkan keluar DAP dalam masa terdekat ini berkata, lebih ramai lagi anggota DAP terutama peringkat cawangan akan menyertainya kerana DAP kini bukan lagi sebuah parti yang demokratik sebaliknya penuh dengan dramatik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941135>